



Ahli Kumpulan UEM

UNTUK SIARAN SEGERA

## KENYATAAN MEDIA

18 SEPTEMBER 2025

### **PROJEK PEMBINAAN LORONG TAMBAHAN LEBUHRAYA UTARA-SELATAN LALUAN SENAI UTARA KE KULAI (FASA 1 PAKEJ B): LALUAN SMART LANE DI KM26.5 HINGGA KM19.3 (ARAH SELATAN) DITUTUP**

**Johor Bahru, 18 September 2025:-** Sebagai sebahagian daripada usaha menambah baik infrastruktur lebuh raya dan memberi laluan kepada pelaksanaan Projek Pembinaan Lorong Tambahan Lebuhraya Utara-Selatan laluan Senai Utara ke Kulai (Fasa 1 Paket B) di Johor, PLUS Malaysia Berhad (PLUS) akan menutup laluan Smart Lane dari Kulai ke Senai di KM26.5 hingga KM19.3 (Arah Selatan) di Lebuhraya Utara-Selatan bermula 22 September 2025.

Sepanjang tempoh kerja-kerja tersebut dijalankan, dua lorong sedia ada di laluan terlibat dibuka seperti biasa bagi mengekalkan aliran trafik sedia ada dan meminimumkan gangguan trafik kepada pengguna lebuh raya.

Pengguna lebuh raya disarankan supaya merancang perjalanan mereka dengan menggunakan aplikasi PLUS bagi mendapatkan maklumat trafik terkini. Pengguna juga diingatkan supaya mematuhi semua papan tanda dan arahan yang dikeluarkan oleh petugas PLUS ketika melalui kawasan kerja-kerja pembinaan tersebut.

Untuk maklumat trafik semasa dan bantuan, pengguna boleh merujuk kepada Pembantu Maya - PUTRI, aplikasi X@plustrafik atau paparan mesej elektronik (VMS) di lokasi-lokasi terpilih, atau menghubungi talian PLUSLine di 1800-88-0000 sekiranya berlaku kecemasan.

PLUS menghargai kesabaran dan kerjasama semua pengguna lebuh raya sepanjang tempoh pelaksanaan kerja-kerja ini dijalankan demi keselamatan, keselesaan dan kemudahan semua.

-TAMAT-

#### **PERTANYAAN MEDIA:**

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
--	--